

PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK

TAWARAN D2

**Permohonan Mengikuti Program Latihan
Kepakaran *Parallel Pathway* Dengan Biasiswa
Sesi 2022/2023**

PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK

IKLAN

Permohonan Mengikuti Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* Dengan Biasiswa Sesi 2022/2023

Permohonan adalah dipelawa kepada **Pegawai Perubatan Kontrak** yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia dan berkelayakan bagi mengikuti Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* Dengan Biasiswa Sesi 2022/2023 di dalam dan luar negara.

Bidang yang ditawarkan adalah seperti jadual di bawah:

BIL.	BIDANG
1	Surgeri Urologi
2	Surgeri Kardiorasik
3	Klinikal Onkologi
4	Perubatan Forensik
5	Perubatan Keluarga MintFM
6	Perubatan Keluarga GCFM-ATFM / FRACGP

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.1 Syarat-syarat Umum

Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) Merupakan Pegawai Perubatan lantikan kontrak di bawah SPKSU Bil.4/2016;
- (b) Pegawai tidak pernah meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan kontrak (Pegawai Perubatan Kontrak);
- (c) Pegawai perlu mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada 85% bagi mana-mana tiga (3) tahun yang tertinggi daripada lima (5) tahun terakhir perkhidmatan pegawai (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun)
- (d) Diperakukan oleh Ketua Jabatan, mengikut yang mana berkenaan;

- (e) Pegawai bersih / bebas daripada sebarang pertuduhan / prosiding dan dan tindakan tatatertib, siasatan dan / atau dalam proses dakwaan mahkamah;
- (f) Telah mengisytiharkan harta; dan
- (g) Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.
- (h) Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
- (i) Tidak pernah gagal atau menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia;
- (j) Bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk menjalani program latihan (*unsuitable to pursue training*) dari segi fizikal dan mental seperti di Lampiran A (calon perlu mendapatkan laporan perubatan dari pakar merawat untuk mengesahkan keupayaan menjalani program latihan);
- (k) Pegawai hendaklah mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka pendek / panjang yang terdahulu dengan jayanya seperti berikut;

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

1.2 Syarat-syarat Khusus

Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat khusus seperti di bawah dan mengikut keperluan bidang yang dipohon seperti berikut:

- a. Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan atau setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf;
- b. Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM); dan
- c. Telah menamatkan sekurang-kurangnya dua (2) tahun latihan siswazah dengan jayanya;

1.2.1 **Surgeri Urologi**

- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Urologi
- Telah lulus kertas peperiksaan berikut:
 - *Membership of the Royal College of Surgeons (MRCS) Part A dan Part B* bagi permohonan bidang Surgeri Urologi*
 - * Pemohon dengan kelulusan part A sahaja turut boleh dipertimbangkan secara *case-to-case basis* untuk sesi 2022/2023.
- Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan;

1.2.2 **Surgeri Kardiorasik**

- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Kardiorasik;
- Telah lulus kertas peperiksaan berikut:
 - *Membership of the Royal College of Surgeons (MRCS) Part A dan Part B* bagi permohonan bidang Surgeri Kardiorasik
- Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan;

1.2.3 **Klinikal Onkologi**

- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Klinikal Onkologi;
- Telah lulus kertas peperiksaan berikut:
 - *FRCR Part 1 (Oncology) Examination* bagi bidang Klinikal Onkologi; dan
- Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan;

1.2.4 Perubatan Forensik

- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Perubatan Forensik; dan
- Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan;

1.2.5 Perubatan Keluarga

Malaysia-Ireland National Training for Family Medicine (MINTFM)

- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO); dan
- Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.

1.2.6 Perubatan Keluarga

Graduate Certificate in Family Medicine - Advanced Training in Family Medicine / Fellow the Royal Australian College of General Practitioners [GCFM-ATFM / FRACGP (Australia)]

- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO); dan
- Memenuhi kesemua syarat kemasukan program GCFM dan ATFM seperti yang ditetapkan oleh Akademi Kedokteran Keluarga Malaysia (*AFPM – Academy of Family Physicians of Malaysia*); dan
- Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.

2.0 TAWARAN PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* DENGAN BIASISWA

2.1 Kaedah Latihan

2.1.1 Program Latihan Kepekaran *Parallel Pathway* Dengan Biasiswa ini dilaksanakan menerusi dua (2) kaedah iaitu:-

i. Dalam Negara

Bidang	Tempoh Latihan (Tahun)	Tajaan
Surgeri Urologi	4	Biasiswa
Perubatan Keluarga MInTFM	4	Biasiswa
Perubatan Keluarga GCFM-ATFM / FRACGP	4	Biasiswa

ii. Hibrid (Kombinasi Dalam Dan Luar Negara)

Bidang	Tempoh Latihan (Tahun)		Tempoh Latihan Keseluruhan (Tahun)	Tajaan
	Dalam Negara	Luar Negara		
Surgeri Kardiorasik	5	1	6	Biasiswa
Perubatan Forensik	2	2	4	Biasiswa
Klinikal Onkologi	2	2	4	Biasiswa

Nota :

- i) Bidang Forensik : Latihan 2 tahun Luar Negara dan diikuti Latihan Dalam Negara selanjutnya
- ii) Lain-lain Bidang : Latihan Dalam Negara terlebih dahulu dan seterusnya Luar Negara.

3.0 TATACARA PERMOHONAN

3.1 Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL secara atas talian (online) menerusi sistem Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Permohonan di luar iklan adalah TIDAK DIBENARKAN.

- 3.2** BPL tidak akan mempertimbangkan permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan atau mengemukakan permohonan yang tidak lengkap.
- 3.3** Hanya Pegawai yang layak tapisan KKM akan dipertimbangkan untuk ditawarkan mengikuti Program ini. Pegawai yang tidak memohon atau tidak melepasi tapisan KKM walaupun telah ditawarkan tempat pengajian di Institusi tidak akan dipertimbangkan sebarang pelepasan khas bagi mengikuti Program Latihan Kepakaran;
- 3.4** Surat tawaran dan dokumen perjanjian akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya oleh BPL melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- 3.5** Tawaran yang dikeluarkan oleh BPL sahaja dianggap sah untuk mengikuti program latihan ini.
- 3.6** Pegawai yang menolak tawaran ini akan **dikenakan penalti 2 tahun** iaitu tidak boleh memohon kemasukan bagi Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* Dengan Biasiswa dalam tempoh berkenaan;
- 3.7** Tindakan penalti kepada pemegang Biasiswa kerajaan berkuatkuasa kepada semua pegawai yang memulakan pengajian mulai 1 Januari 2012, selaras dengan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian dengan Jaya yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- 3.8** Penalti / Gantirugi bagi pelanggaran kontrak perjanjian adalah seperti berikut:

Kaedah Pengajian	Penalti/ Gantiugi
Hibrid / Kombinasi Dalam dan Luar Negara	RM700,000
Dalam Negara	RM350,000

- 3.9** Pihak Kerajaan juga boleh pada bila-bila masa mengenakan sebarang syarat-syarat tambahan, pindaan atau sebagainya tanpa memaklumkan kepada pegawai.
- 3.10** Ketua Jabatan adalah merujuk kepada **Pengarah Bahagian KKM / JKN / Institusi / Hospital / Ketua PTJ.**

3.10 DOKUMEN SEMASA SESI TEMUDUGA

3.10.1 Dokumen-dokumen berikut hendaklah dibawa bersama **semasa sesi temuduga** yang akan ditetapkan oleh pihak Ketua Program / Bahagian Perkembangan Perubatan / Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (**bagi pegawai yang telah berjaya melepasi tapisan pertama**):

- i. **Dua (2) salinan Borang Permohonan *Online***;
- ii. **Dua (2) salinan Borang Maklumat Pekhidmatan (Lampiran 1)**
- iii. **Dua (2) salinan Laporan Referee (2 orang)- *Borang R***;
- iv. **Dua (2) salinan Surat (*Covering letter*)** daripada Jabatan/tempat bertugas dengan sokongan/ulasan bagi tujuan kebenaran mengikuti latihan/kesesuaian bidang;
- v. **Dua (2) salinan Keputusan Peperiksaan** seperti dalam Syarat-syarat khusus (jika berkaitan) dan disahkan;
- vi. **Dua (2) salinan Keputusan Peperiksaan IELTS** (bidang Perubatan Forensik dan jika berkaitan) dan disahkan;
- vii. **Dua (2) salinan Kenyataan Perkhidmatan** yang telah dikemaskini dan disahkan;
- viii. **Dua (2) Salinan Surat Perlantikan Kontrak Perkhidmatan** daripada Bahagian Sumber Manusia KKM dan disahkan;
- ix. **Dua (2) salinan Sijil Pendaftaran Penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dan disahkan;
- x. **Dua (2) salinan Dokumen sokongan** yang lain (Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, sijil-sijil, transkrip peperiksaan dan lain-lain) dan disahkan.

PERINGATAN PENTING KEPADA SEMUA PEGAWAI

1. Tarikh tutup permohonan adalah pada **28 Februari 2022**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **tidak akan dipertimbangkan**.
2. Pegawai hendaklah memohon secara atas talian (online) melalui Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>).
3. Semakan keputusan pegawai yang **melempi tapisan pertama** boleh diketahui pada **April 2022 (tertakluk kepada perubahan)** melalui Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Pemakluman keputusan akan diwar-warkan di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://www.moh.gov.my>) dan Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>)
4. Semakan **keputusan penawaran** boleh diketahui pada **Ogos 2022 (tertakluk kepada perubahan)** melalui Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Pemakluman keputusan akan diwar-warkan di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://www.moh.gov.my>) dan Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>).
5. Ketua Jabatan adalah merujuk kepada **Pengarah Bahagian KKM / JKN / Institusi / Hospital / Ketua PTJ**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

1. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Ketua Jabatan diminta untuk membuat semakan perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan pada tahun 2022/2023 kelak.
3. Bahagian Pengurusan Latihan berhak menolak permohonan yang didapati tidak menepati syarat yang dinyatakan di atas.
4. Ketua Jabatan adalah merujuk kepada **Pengarah Bahagian KKM / JKN / Institusi / Hospital / Ketua PTJ**.

PERINGATAN PENTING KEPADA PEGAWAI

1. Sila ambil maklum bahawa penerima adalah tertakluk kepada Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya seperti yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
2. Sila ambil maklum akan tarikh-tarikh penting bagi pelawaan ini seperti berikut:

Tarikh	Keterangan
28 Januari 2022	Permohonan dibuka
28 Februari 2022	Tarikh tutup permohonan
Ogos 2022	Keputusan (tertakluk kepada perubahan)

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- a. Kanser;
- b. Serangan jantung;
- c. *Pulmonary Hypertension*;
- d. Penyakit buah pinggang yang kronik;
- e. Penyakit hati (*liver*) yang kronik;
- f. *Hepatitis*;
- g. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- h. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- i. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- j. Pemindahan organ utama;
- k. Penyakit Parkinson;
- l. Penyakit HIV dan/atau AIDS;
- m. Pemindahan kaki atau tangan;
- n. Skizofrenia;
- o. Kecederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan atau Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- p. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan atau Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.

PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK

SENARAI SEMAK DOKUMEN SEMASA SESI TEMUDUGA

Penting: Setiap dokumen hendaklah dikemukakan dalam dua (2) salinan yang lengkap dan disahkan

	Diisi Calon	oleh: BPP/BPKK
1. Borang Permohonan Online	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Lampiran 1 (Borang Maklumat Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Borang <i>Referee</i> (Borang R)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Surat (<i>Covering letter</i>) daripada Jabatan/Tempat Bertugas dengan sokongan/ulasan dari segi kebenaran mengikuti Latihan/kesesuaian bidang;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Salinan Keputusan Peperiksaan seperti dalam Syarat-syarat khusus (mengikut bidang);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Salinan Keputusan Peperiksaan IELTS (Bidang Perubatan Forensik dan jika berkaitan);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan disahkan;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8. Salinan Surat Perlantikan Kontrak Perkhidmatan daripada Bahagian Sumber Manusia KKM;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9. Salinan Sijil Pendaftaran Penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) yang disahkan;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10. Salinan Dokumen sokongan yang lain (Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, sijil-sijil, transkrip peperiksaan dan lain-lain)).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PERAKUAN PEMOHON	
Nama:	
Jawatan:	
Jabatan:	

UNTUK KEGUNAAN BPP/BPKK

Nama:

Cop Jabatan:

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN BPL

Nama:

Cop Jabatan:

Tarikh:

BORANG MAKLUMAT PERKHIDMATAN

A LATIHAN SEMASA <i>HOUSEMAN</i>			
	Disiplin <i>(sila nyatakan)</i>	Tempat Latihan	Ketua/Pakar
1.			
2.			
B SEJARAH PERKHIDMATAN			
	Tarikh dan tempoh masa penempatan	Hospital/Jabatan/Unit	Pakar Perunding
C REFEREE			
<p><i>(Sila namakan referee yang berpengetahuan mengenai kemahiran klinikal anda dan juga merupakan immediate supervisor. Referee tersebut hendaklah mengisikan Borang R dengan lengkap seterusnya mengemukakan bersama dengan borang permohonan ke Bahagian Pengurusan Latihan, KKM)</i></p> <p>Referee 1 Nama: Jawatan: Tempat Bertugas:</p> <p>Referee 2 Nama: : Jawatan: : Tempat Bertugas: :</p>			

D PENERBITAN / PENYELIDIKAN / PENYAMPAIAN KERTAS KERJA

(Sila senarai mengikut tahun)

1. _____
2. _____
3. _____

E PENGLIBATAN DALAM ORGANISASI PROFESIONAL

(Sila senarai mengikut tahun)

1. _____
2. _____
3. _____



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN

BORANG REFEREE
PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* DENGAN
BIASISWA

NOTA:

Referee mestilah terdiri daripada pakar klinikal yang mempunyai pengetahuan mengenai kemahiran klinikal calon atau merupakan *immediate supervisor* seperti Ketua Jabatan calon.

LAPORAN REFEREE

NAMA CALON : _____

NAMA REFEREE : _____

BIDANG YANG DIPOHON : _____

Beri komen/ulasan anda mengenai calon tersebut dalam perkara –perkara berikut:

1. HUBUNGAN DENGAN STAF, PESAKIT DAN KELUARGA PESAKIT:

2. KOMITMEN TERHADAP KERJA, KERJA BERPASUKAN DAN MEMPUNYAI KUALITI-KUALITI PEMIMPIN :

3. PENGETAHUAN DAN “PROFESSIONAL SKILLS” :

4. PENGLIBATAN DALAM PENYELIDIKAN DAN LATIHAN :

5.KESESUAIAN UNTUK MENJALANI PROGRAM *PARALLEL PATHWAY* DENGAN HLP KKM :

Tandatangan Referee : _____

Cop Rasmi Referee : _____

Tarikh : _____

Borang ini hendaklah diisikan dengan lengkap oleh *Referee* dan dikemukakan bersama-sama dengan dokumen lain semasa temuduga kepada pihak * *Urus Setia Temuduga / Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP) / Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK)*

Nota : * Potong bagi tidak berkenaan.